

KEPERLUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BERAGUMENTASI DENGAN AL-QURAN OLEH JAWATANKUASA MUZAKARAH MKI DALAM PANDANGAN HUKUM ISLAM SEMASA

The Necessity of Standard Operation Procedure (SOP) for Jawatankuasa Muzakarah MKI in Argumentation with Al-Quran in Current Views of Islamic Law

Mahyudin Daud^{1a}, Ahmad Najib Abdullah^{2b}, Shukeri Mohamed^{3b} dan
Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar^{4b*}

^aJabatan Sejarah, Tamadun Dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Emel: muhyi@um.edu.my¹

^bAkademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Kampus Bachok), Kelantan, MALAYSIA

Emel: dr_najib@um.edu.my²

^cAkademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Kampus Bachok), Kelantan, MALAYSIA

Emel: shukeri@um.edu.my³

^dJabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

Emel: syedjeffri89@um.edu.my⁴

*Corresponding Author: syedjeffri89@um.edu.my

Received: 6 August 2025

Accepted: 1 December 2025

Published: 30 January 2026

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.31no1.739>

Abstrak	Abstract
Para sarjana Usul al-Fiqh telah menggariskan satu kaedah yang menyeluruh dalam beristidlal dengan al-Quran bagi mengaitkannya dengan permasalahan semasa yang berlaku dalam hukum Islam. Kaedah tersebut merupakan langkah-langkah akademik yang merangkumi tiga peringkat, iaitu peringkat dalil dan istinbat, peringkat semakan terhadap hasil istidlal (taṣḥīḥ natījat al-istidlāl) dan peringkat pengeluaran fatwa bagi memastikan hujah yang bersandarkan al-Quran adalah tepat, tidak mengelirukan dan betul. Kajian ini ingin meneliti pengaplikasian kaedah istidlal dengan al-Quran oleh Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI dalam menghubungkan nas-nas al-Quran dengan permasalahan semasa dalam Islam.	Usul al-Fiqh scholars had outlined a thorough method in an argument with al-Quran in order to match it with current Islamic problems that occur. The methods were academic steps containing three stages which are stage of dalil and istinbat, stage of revision inferences result (تصحيح نتيجة الاستدلال) and stage of issuing a fatwa to ensure the argument based on al-Quran are precise without ambiguity and right. Research carried out at JAKIM showed there was no Standard Operation Procedure written model in argumentation with al-Quran which can be used as guidance to Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI in connecting the proposition

Kajian ini bertujuan mengumpul pandangan daripada ahli muzakarah berkenaan keperluan model SOP bagi tujuan beristidlal dengan al-Quran dalam konteks pandangan hukum Islam semasa. Kajian ini menggabungkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan di mana penyelidik berusaha mendapatkan SOP melalui pembacaan ilmiah dan menjalankan kajian lapangan bagi mendapatkan maklum balas daripada beberapa ahli muzakarah yang terpilih. Hasil kajian menunjukkan keperluan kepada Prosedur Operasi Standard sebagai garis panduan kepada Ahli Jawatankuasa dan para penyelidik yang ditugaskan untuk mentafsir al-Quran berdasarkan pandangan hukum Islam semasa. Kata kunci: Wang, dinar, dirham, fulus, riba, alat pertukaran	from al-Quran with the current occurring Islamic problems. This research is trying to collect the response from muzakarah members about the necessity of SOP model for argumentation with al-Quran in the current views of Islamic law. This research combined library and field research in which the researcher tried to get the SOP from ultimate reading and conducted field research to get the response from some selected muzakarah members. The result of the study showed the need for a Standard Operation Procedure as guidelines for Committee Members and researchers who are assigned to interpret the Al-Quran in light of current views of Islamic law. Keywords: Money, dinar, dirham, fulus, riba, medium of exchange
--	--

1. PENGENALAN

Para ulama Uṣūl al-Fiqh telah menetapkan kaedah yang sangat teliti dalam mengambil dalil daripada al-Quran untuk disesuaikan dengan isu-isu semasa. Kaedah ini merangkumi beberapa langkah ilmiah yang bertujuan memastikan dalil al-Quran yang dijadikan asas penetapan hukum adalah tepat serta bebas daripada sebarang syubhah.

Langkah-langkah ilmiah tersebut melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat kaifiat pendalilan dan istinbat di mana nas al-Quran yang hendak digunakan adalah tepat untuk dipadankan dengan masalah semasa yang hendak dihukumkan. Proses ini dinamakan *al-Nazar* (النظر) (al-Fadani 2006) dan proses ini mesti menepati syarat yang ditetapkan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh*.

Proses berikutnya ialah merujuk kepada dua perkara yang amat penting dalam kaifiat pendalilan berasaskan al-Quran iaitu pertama merujuk terma khusus untuk memahami nas al-Quran (أدوات فهم النص) yang digunakan untuk memahami kehendak syarak daripada nas tersebut dengan bentuk yang sahih seperti *al-Umūm* dan *al-Khuṣūṣ*, *al-Ijmāl* dan *al-Bayān*, *al-Itlāq* dan *al-Taqyīd*, *al-Ḥaqīqah* dan *al-Majāz*, *al-Nāsikh* dan *al-Mansūkh* serta *al-Awāmīr* dan *al-Nawāhi*.

Perkara kedua ialah petunjuk-petunjuk lafaz al-Quran (دلالة الألفاظ) di mana perlunya penguasaan terhadap petunjuk-petunjuk perletakan lafaz (دلالة الألفاظ)

الوضعية) sama ada *al-Muṭābaqah*, *al-Taḍammun* atau *al-Iltizām* (*al-Kafrawi* 2002), mengetahui petunjuk-petunjuk lafaz (دلالة الألفاظ) ke atas hukum syarak sama ada menurut manhaj *al-Ḥanafīyyah* atau *al-Mutakallimūn*, memahami nas secara tunggal (مفرد) dan tersusun (مركب) (*al Nur Zahir* 2005) dan bahagian-bahagiannya. Ini kerana kehendak Allah SWT didapati berubah mengikut keadaan lafaz nas ketika disebut secara tunggal dan ketika disebut secara tersusun.

Selebihnya, para mufti atau penyelidik perlu berpegang kepada ijmak ulama dalam sesuatu masalah yang hendak dihukumkan bahkan perlu mendahuluinya berbanding nas-nas yang lain kerana ijmak itu bersifat *qat'ī* berbanding dalil yang lain serta selamat daripada *nasakh* dan takwil. Mereka juga harus meraikan makna dan kaedah umum dalam syariat Islam di mana sekiranya mereka gagal menemui hukum sesuatu masalah semasa dalam al-Quran atau hadis-hadis Nabi SAW atau dalil-dalil yang lain, maka mereka perlu mengkaji makna dan kaedah umum yang diistinbat daripada maksud nas secara umum. Makna umum tersebut tidak keluar daripada maksud asal syarak iaitu meraikan maslahat umum dan mengangkat kesusahan daripada hamba.

Peringkat kedua ialah *Taṣḥīḥ Natijah al-Istidlāl*, iaitu selepas penyelidik atau mufti memperoleh sesuatu natijah daripada proses *istidlāl*, dia wajib menyemak semula natijah tersebut serta menilainya berdasarkan empat perkara. Sekiranya selaras dengan empat perkara tersebut bermakna *al-Istidlāl* itu adalah sahih sebaliknya jika bertembung maka, *ijtihad* tersebut adalah salah dan perlu diulang kembali putaran proses *al-Istidlāl* dari awal sehingga menepati kebenaran (*al-Qarrafi* t:t). Empat perkara yang dimaksudkan di atas ialah ijmak, nas syarak yang lain serta kehendaknya, maksud pensyariatan dan kaedah umum (المقاصد الشرعية والقواعد العامة) serta kias yang nyata (القياس الجلي).

Sekiranya berlaku pertembungan dengan nas-nas yang *qat'ī* maka, *ijtihad* tersebut perlu ditolak dan hendaklah dimulakan semula daripada awal. Sekiranya bertembung dengan nas yang *ẓanni* seperti *Khabar Āḥād*, *al-Maqāṣid al-Shar'īyyah* dan *al-Qawā'id al-'Āmmah* dan *al-Qiyās al-Jalīy* maka, sandaran kepada perkara yang dihukumkan tersebut perlu diteliti semula. Sekiranya sandaran tersebut lebih rajih berbanding tiga nas *ẓanni* yang tersebut maka, *ijtihad*nya adalah sahih dan boleh diterima tetapi sekiranya sebaliknya, *ijtihad*nya adalah batal dan perlu diulang semula daripada awal.

Peringkat ketiga ialah mengeluarkan fatwa di mana peringkat terakhir ini dilakukan setelah berpuas hati secara *ghalabah al-ẓann* dengan natijah yang didapati (*al-Qarrafi* t:t). SOP ini bukan terjadi dalam sumber al-Quran sahaja, ia terjadi dalam keseluruhan proses istinbat hukum dalam penyelidikan

hukum Islam semasa di mana setiap langkah dalam pendalilan perlu diambil perhatian oleh mufti dan penyelidik.

Dalam institusi fatwa di negara ini, sekiranya masalah semasa yang dikaji boleh disesuaikan dengan al-Quran sama ada secara langsung atau tidak langsung, maka ketika itu kaifiat pendalilan dengan al-Quran sebagaimana di atas adalah sangat perlu lebih-lebih lagi dalam tiga keadaan:

1. Penyelidikan awal bagi masalah semasa sebelum dibentangkan kepada MKI sama ada oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI sendiri atau penyelidikan oleh ahli-ahli akademik yang dilantik.
2. Kajian semula bagi penyelidikan di atas yang tidak mencapai tahap yang memuaskan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI selepas pembentangan dilakukan oleh penyelidik.
3. Cadangan hukum yang hendak difatwakan bagi masalah semasa oleh pihak Jawatankuasa Muzakarah MKI kepada pihak Pengurusan Fatwa Kebangsaan.

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan respon balas daripada Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI terhadap prosedur pendalilan berasaskan al-Quran dalam argumentasi hukum Islam semasa di Malaysia.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian telah dibuat terhadap SOP berargumentasi dengan al-Quran dalam kalangan beberapa Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI dan beberapa panel penyelidik yang dilantik (Mahyudin, 2017). Hasil kajian mendapati tidak terdapat suatu garis panduan bertulis secara khusus yang boleh dirujuk oleh Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI atau panel penyelidik dalam urusan mengambil dalil daripada al-Quran untuk dijadikan argumentasi dalam mengemukakan pandangan hukum bagi masalah semasa. Amalan biasa yang dilakukan sehingga kini ialah setiap mereka membawa ilmu masing-masing dan mempraktikkannya di dalam argumentasi hukum yang memungkinkan berlakunya kekurangan, terlepas pandang, terlupa dan sebagainya dalam mana-mana bahagian kaifiat yang kompleks tersebut.

Bertitik tolak daripada masalah tersebut, muncul dua persoalan penting yang memerlukan kepada kajian secara khusus iaitu pertamanya bagaimanakah kaifiat berargumentasi dengan al-Quran seperti yang digariskan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh* yang boleh dijadikan model dalam SOP berargumentasi dengan al-Quran bagi tujuan mendapatkan pandangan hukum dalam masalah semasa di

negara ini. Persoalan kedua ialah sejauh manakah keperluan Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI terhadap model SOP berargumentasi dengan al-Quran dalam mengeluarkan pandangan hukum bagi masalah semasa di negara ini. Justeru terdapat dua objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu: Pertama: Mengemukakan kaifiat berargumentasi dengan al-Quran seperti yang digariskan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh* yang boleh dijadikan model dalam SOP berargumentasi dengan al-Quran bagi tujuan mendapatkan pandangan hukum dalam masalah semasa di negara ini. Kedua, mengkaji sejauh mana keperluan Jawatankuasa Muzakarah MKI terhadap model SOP berargumentasi dengan al-Quran dalam pengeluaran pandangan hukum bagi masalah semasa di negara ini.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana beberapa sebab yang kembali kepada beberapa perkara pokok. Perkara pertama ialah kebenaran sesuatu fatwa menurut syarak kerana kebenarannya tertakluk kepada syarat-syarat yang telah digariskan oleh para ulama *Uṣūl al-Fiqh* sekira-kira tidak lulus suatu fatwa yang tidak melengkapi syarat-syarat tersebut. Di antara syaratnya ialah keabsahan dari sudut pendalilan berasaskan al-Quran dalam argumentasi lebih-lebih lagi dalam masalah Islam semasa yang tidak dinaskan secara jelas dalam al-Quran dan hadis. Oleh itu kajian ini penting untuk memastikan bahawa pandangan hukum semasa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI adalah tertakluk kepada syarat-syarat tersebut.

Perkara kedua ialah penguasaan kaifiat pendalilan di mana individu yang diberi amanah untuk mengendalikan permasalahan hukum Islam mestilah terdiri daripada mereka yang layak secara akademik dan mendapat pengajian yang mencukupi. Sekurang-kurangnya, mereka adalah dalam kalangan orang yang berpengetahuan dalam kaifiat pendalilan ini sekalipun tidak mampu untuk berijtihad dan beristinbat secara sendiri. Walau bagaimanapun, dengan pengetahuan yang ada membolehkan mereka mengkaji, bermusyawarah dengan komuniti yang berkelayakan dan mendapatkan gambaran kerangka yang benar tanpa syubhah.

Perkara ketiga berkaitan dengan disiplin pendalilan daripada al-Quran yang tidak bersesuaian dengan tradisi yang sedia terpakai di Malaysia dalam hal beragama iaitu menurut Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah di mana terdapat penyelidik yang mengkaji masalah semasa dan mengambil dalil daripada al-Quran tanpa meraikan langkah-langkah yang telah disebutkan di dalam SOP yang dikemukakan oleh pengkaji. Hal ini boleh mengundang banyak perkara dan yang paling besar ialah ketidakabsahan pandangan hukum yang dikeluarkan berikutan ketidaktepatan kaifiat pendalilan berasaskan al-Quran.

2. KAJIAN LITERATUR

Sorotan mendapati kurangnya kajian secara khusus dibuat sebelum ini untuk mengkaji SOP pendalilan berasaskan al-Quran yang digunakan oleh AJK fatwa kebangsaan mahupun ahli-ahli panel penyelidik JAKIM. Adapun kajian berkaitan teori dan kaifiat pendalilan berasaskan al-Quran sama ada di Malaysia atau di peringkat antarabangsa sudah banyak dan yang paling penting untuk dirujuk ialah *al-Istidlāl 'ind al-Uṣūliyyīn (al-Kufrāwī 2002)* hasil kajian As'ad 'Abd al-Ghānī al-Sayyid al-Kufrāwī di mana beliau mengemukakan perincian tentang pengertian *al-istidlāl* dan jenis-jenisnya di sisi para ulama *Uṣūl al-Fiqh* lama dan kontemporari serta hukum-hakam berkaitan dengannya.

Kajian berjudul *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī (Salih 1993)* tulisan Muḥammad Adīb Ṣālih pula menekankan bagaimana nas al-Quran dan al-Hadith ditafsirkan sehingga diistinbatkan hukum fiqh daripadanya. Dalam konteks al-Quran, beliau menyentuh pentafsiran ayat-ayat hukum yang ditafsirkan oleh para ulama silam dan mengemukakan bagaimana proses mengeluarkan hukum daripada ayat-ayat tersebut.

Kajian tersebut hampir sama dengan kajian yang dihasilkan oleh 'Aqīl Razzāq Nu'mān al-Sultānī berjudul *Maḥmūd al-Naṣ 'ind al-Uṣūliyyīn ma' al-Taṭbīqāt al-Fiqhiyyah (al-Sultani 2010)* yang membincangkan mengenai teknik-teknik yang digunakan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh* dalam mengistinbatkan hukum daripada al-Quran dan al-Hadith.

Kajian al-Shahīd 'Abd Allāh 'Azzām bertajuk *Dilālah al-Kitāb wa al-Sunnah 'alā al-Aḥkām min Hayth al-Bayān wa al-Ijmāl aw al-Zuhūr wa al-Khafā' (Azzam 1972)* telah membincangkan tentang pendalilan al-Quran dan al-Sunnah dari sudut *al-Bayān* dan *al-Ijmāl* atau *al-Zuhūr* dan *al-Khafā'* terhadap hukum-hakam dengan mengemukakan manhaj para ulama *Uṣūl al-Fiqh* dalam mengeluarkan hukum daripada kedua-dua sumber dari sisi tersebut. Ketika membentangkan *al-Bayān*, *al-Ijmāl*, *al-Zuhūr* dan *al-Khafā'* dalam al-Quran, beliau membawa pendapat-pendapat para ulama dan metode mereka dalam mengeluarkan hukum daripada sisi tersebut.

Kajian bertajuk *Dilālah al-Siyāq 'ind al-Uṣūliyyīn, Dirāsah Nazariyyah Taṭbīqiyyah (al-Enazai 1428h)* hasil tulisan Sa'ad bin Meqbel bin Eissa al-Enazy memfokuskan tentang pendalilan berdasarkan *Siyāq al-Nusūs* (al-Quran dan al-Sunnah) dan permasalahannya dari sudut teori serta pemakaiannya dalam sampel-sampel masalah fiqh yang terpilih. Beliau secara terperinci mengulas makna, kesan, penghujahan *siyāq* dan cara-cara beristidlāl dengannya (ضوابط

(الاستدلال به) di sisi ulama *Uṣūl al-Fiqh*.

'Abd al-Ilāh Ḥūrī al-Ḥūrī menghasil sebuah tesis yang bermanfaat berjudul *Asbāb Ikhtilāf al-Mufasssīrīn fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* (al-Huri 2001). Beliau menjelaskan bahawa khilaf para ulama tafsir amat memberi kesan kepada berlakunya khilaf dalam kalangan ulama fiqh. Kajian dibuat khusus mencari jawapan kepada sebab-sebab yang membawa kepada berlakunya khilaf dalam kalangan ulama tafsir. Kesimpulan dibuat bahawa punca khilaf adalah merujuk kepada beberapa perkara pokok seperti pentafsir itu sendiri, *asbāb nuzūl*, *qirā'at*, *qarīnah al-siyāq*, *mafhūm mukhalafah* dan sebagainya.

Kajian hasil tulisan Yasid bin Moni berjudul *Metode Pentafsiran Nas Menurut Mutakallimin dan Ahnaf: Satu Analisis* di peringkat PhD pula lebih menumpukan kepada aspek perbezaan metodologi *Uṣūl al-Fiqh* kedua-dua mazhab tersebut.

Walau bagaimanapun kajian yang dikemukakan oleh Mahyudin bin Daud di peringkat PhD adalah sangat hampir dengan kajian ini iaitu *Pendalilan Berasaskan Ayat al-Ahkam Dalam Penghujahan Hukum Islam Semasa: Kajian Perbandingan Di Antara Fatwa Malaysia Dan Brunei*. Kajian tersebut membuat perbandingan mengenai pemakaian al-Quran sebagai argumentasi dalam masalah semasa di antara fatwa Malaysia dan Brunei. Hasil kajian mendapati tiada suatu SOP pendalilan berasaskan al-Quran secara bertulis yang boleh dirujuk oleh kedua-dua institusi atau panel penyelidik yang dilantik dalam usaha memadankan nas al-Quran dengan masalah semasa yang berlaku. Kajian juga berjaya membina suatu model berkaitan SOP pendalilan berasaskan al-Quran dalam penghujahan hukum semasa yang boleh dirujuk oleh mana-mana ahli jawatankuasa fatwa dan panel penyelidik yang terlibat.

Kajian yang dicadangkan ini adalah kesinambungan kepada kajian di atas di mana pengkaji ingin melihat respon balas daripada Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI dan panel penyelidik yang dilantik berkenaan model SOP berargumentasi dengan al-Quran dalam mengeluarkan pandangan hukum semasa yang dicadangkan. Sejauh mana penerimaan dan keperluan mereka terhadap model tersebut sebagai panduan dalam menjalankan kajian hukum bagi masalah semasa.

3. METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif. Daripada sudut pengumpulan data pula, pengkaji menggabungkan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan digunakan untuk mendapatkan data-data berkaitan teori, konsep dan kaifiat berargumentasi dengan al-Quran menurut kaifiat yang

digariskan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh*.

Kajian lapangan melalui metode temubual dijalankan untuk mendapatkan respon daripada Jawatankuasa Muzakarah MKI terhadap sejauh mana keperluan mereka kepada model SOP berargumentasi dengan al-Quran secara bertulis sebagai rujukan dalam mengeluarkan pandangan hukum semasa. Antara responden yang ditemubual ialah Sahibul Samahah Datuk Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibul Samahah Dato' Mufti Pahang dan Sahibul Samahah Timbalan Mufti Selangor. Data-data daripada kedua metode tersebut akan diproses secara deduktif, induktif dan komparatif untuk mendapatkan suatu natijah yang tepat dan boleh menggambarkan pendirian Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkenaan model SOP yang dikemukakan.

4. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Untuk objektif yang pertama iaitu mengemukakan kaifiat berargumentasi dengan al-Quran seperti yang digariskan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh* yang boleh dijadikan model dalam SOP berargumentasi dengan al-Quran bagi tujuan mendapatkan pandangan hukum dalam masalah semasa di negara ini, maka kajian mendapati secara ringkasnya model tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan berikut:

4.1 Model SOP Berargumentasi Dengan Al-Quran Bagi Tujuan Mendapatkan Pandangan Hukum Dalam Masalah Semasa Di Malaysia

Apabila sesuatu masalah semasa dikemukakan kepada mufti atau penyelidik untuk kajian hukum maka mereka perlu meraikan perkara-perkara bersabit kajian masalah semasa menurut syariat Islam. Dalam proses kajian hukum tersebut, mereka perlu sedaya upaya mendapatkan dalil daripada al-Quran. Ketika memadankan sesuatu masalah dengan nas al-Quran mereka perlu meraikan tiga peringkat sebagaimana berikut:

4.1.1 Peringkat Kaifiat Berargumentasi

- a. **Memastikan nas al-Quran (توثيق النص) yang hendak digunakan.** Proses ini dinamakan al-Nazar (النظر) dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dan mesti menepati syaratnya iaitu:
 - Individu yang melakukan proses ini mestilah seorang yang berkelayakan.

- b. Penelitiannya hendaklah kepada dalil iaitu dari sudut berpindahnya dalil itu kepada apa yang hendak dihukumkan atau lebih dikenali sebagai Wajh al-Dilālāh (وجه الدلالة). Al-Nazar terhadap dalil mesti memenuhi dua syarat iaitu:
 - i. Peneliti tersebut mesti mempunyai keahlian yang sempurna dari sudut alat ijtihad.
 - ii. Penelitian hendaklah kepada dalil yang sebenar bagi sesuatu masalah dan bukan kepada syubhah (شبهة) iaitu sesuatu yang dianggap dalil padahal ia bukan dalil.
- c. Membawa dalil tersebut dengan lengkap dan menyusun mengikut hak-haknya seperti mendahului *khaṣ* daripada *‘ām*, *muṭlaq* daripada *muqayyad* dan sebagainya.
- d. **Menggunakan adawāt memahami nas al-Quran** (أدوات فهم النص) untuk memahami kehendak syarak daripada nas tersebut dalam bentuk yang sahih iaitu:
 - i. Umūm dan Khuṣūṣ
 - ii. Ijmāl dan Bayān.
 - iii. Iṭlāq dan Taqyīd
 - iv. Ḥakīkah dan Majāz
 - v. Nāsikh dan Mansūkh
 - vi. Awāmīr dan Nawāhi
- e. **Meneliti petunjuk-petunjuk lafaz al-Quran** (دلالة الألفاظ) yang boleh membawa maksud (احتمال) banyak makna di mana seorang mufti atau penyelidik mesti mengetahui hakikat makna yang boleh diambil *istifādah* daripada nas tersebut. Beliau perlu:
 - i. Menguasai petunjuk-petunjuk perletakan lafaz (دلالة الألفاظ الوضعية) sama ada Muṭābaqah, Taḍammun atau Iltizām.
 - ii. Mengetahui petunjuk-petunjuk lafaz (دلالة الألفاظ) ke atas hukum syarak menurut manhaj al-Ḥanafīyyah atau al-Mutakallimūn.
 - iii. Memahami nas dengan secara tunggal (مفرد) dan tersusun (مركب) dan bahagian-bahagiannya kerana maksud Allah SWT didapati berubah mengikut keadaan suatu lafaz nas ketika disebut secara tunggal dan ketika disebut secara tersusun.

- f. **Merujuk kepada ijmak ulama** dalam sesuatu masalah yang hendak dihukumkan bahkan perlu mendahuluinya berbanding nas-nas yang lain kerana ijmak bersifat *qat'ī* dan *maksūm* berbanding dalil yang lain serta selamat daripada *nasakh* dan takwil.
- g. **Meraikan makna dan kaedah umum** di mana sekiranya seorang mufti atau penyelidik gagal menemui hukum bagi sesuatu masalah semasa dalam al-Quran atau hadis-hadis Nabi SAW atau dalil-dalil yang lain maka, beliau perlu meraikan kaedah-kaedah umum (القواعد العامة) yang diistinbat daripada maksud-maksud nas secara umum seperti mengutamakan maslahat dan manfaat (جلب المصلحة والمنفعة) dan menolak kesulitan (رفع الحرج ودرء المفسدة).

4.1.2 Peringkat Menyemak Natijah (تصحيح النتيجة) Argumentasi

Menyemak semula natijah *al-Istidlāl* adalah wajib dengan mengemukakannya kepada empat perkara. Sekiranya selaras dengan empat perkara tersebut bermakna *al-Istidlāl* itu adalah sahih. Sebaliknya jika bertembung maka, ijtihadnya adalah salah dan menjadi kewajipan untuk mengulangi putaran proses *al-Istidlāl* semula sehingga menepati kebenaran. Empat perkara yang dimaksudkan di atas ialah:

- i. Ijmak (إجماع)
- ii. Nas syarak yang lain serta kehendaknya (النصوص الشرعية الأخرى ومقتضياتها)
- iii. Maksud pensyariatan dan kaedah umum (المقاصد الشرعية والقواعد العامة)
- iv. Kias yang nyata (القياس الجلي)

Sekiranya berlaku pertembungan dengan nas yang *qat'ī* maka, ijtihad tersebut perlu ditolak dan hendaklah dimulakan semula daripada awal. Sekiranya bertembung dengan nas yang *ẓanni* seperti Khabar al-Āhād, Al-Maqāṣid al-Shar'īyyah dan al-Qawā'id al-'Āmmah dan al-Qiyās al-Jalīy maka, sandaran kepada perkara yang dihukumkan tersebut perlu diteliti semula. Sekiranya sandaran tersebut lebih rajih berbanding tiga nas *ẓanni* yang tersebut maka, ijtihadnya adalah sah dan boleh diterima tetapi jika sebaliknya, ijtihadnya adalah batal dan perlu diulang semula daripada awal.

4.1.3 Peringkat Mencadangkan Hukum Untuk Difatwakan

Setelah melalui proses penelitian yang sempurna terhadap masalah semasa yang berlaku dan setelah mentashihkan masalah tersebut serta berpuas hati secara *ghalabah al-ẓann* dengan natijah yang didapati maka mufti atau

penyelidik boleh mengeluarkan fatwa kepada masalah semasa yang dikaji sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan dengan jelas yang boleh difahami oleh semua lapisan manusia.

Nas fatwa tersebut tidak perlu disertakan dengan dalil dan hujah untuk tujuan kebolehpercayaan kerana hukum mengemukakan dalil adalah harus atau Istihbāb sahaja. Bagaimanapun, masyarakat Islam berhak mengetahui dalil, hujah dan keterangan sesuatu fatwa yang dikeluarkan kerana fatwa itu adalah perkara ugama dan merupakan hukum syarak yang hendak diamalkan dan pengamalannya akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat.

Mufti atau penyelidik juga boleh menyertakan ulasan atau huraian terhadap argumentasi yang dikemukakan untuk tujuan memberi ketenangan, menambah pengetahuan dan meyakinkan mustafti berikutan masalah semasa dikira masalah yang rumit untuk difahami oleh orang kebanyakan.

Untuk memudahkan, kajian melakarkan Model SOP Berargumentasi Dengan Al-Quran Bagi Tujuan Mendapatkan Pandangan Hukum Dalam Masalah Semasa Di Malaysia dalam bentuk gambar rajah yang memperlihatkan carta alir proses argumentasi berasaskan tiga peringkat yang disebutkan. Gamba rajah tersebut adalah sebagaimana berikut:

Model SOP Berargumentasi Dengan Al-Quran Bagi Tujuan Mendapatkan Pandangan Hukum Dalam Masalah Semasa Di Malaysia

Peringkat Kaifiat Berargumentasi

Memastikan Nas Al-Quran Dengan Kaedah Al-Nazar



Menggunakan Adawāt Memahami Nas Al-Quran

Umūm Dan Khuṣūṣ
Ijmāl Dan Bayān.
Iṭlāq Dan Taqyīd
Ḥaqīqah Dan Majāz
Nāsikh Dan Mansūkh
Awāmīr Dan Nawāhi



Meneliti Petunjuk-Petunjuk Lafaz Al-Quran

Petunjuk-Petunjuk Perletakan Lafaz (Muṭābaqah, Taḍammun Atau Iltizām)
Mengetahui Petunjuk-Petunjuk Lafaz (Al-Ḥanafiyyah Atau Al-Mutakallimūn)



Rajah 1. Model SOP Berargumentasi Dengan Al-Quran Bagi Tujuan Mendapatkan Pandangan Hukum Dalam Masalah Semasa Di Malaysia

4.2 Respons Balas Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan

Secara umum, informan yang ditemui bersetuju dengan model yang dikemukakan kepada mereka iaitu model yang dirujuk oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI atau penyelidik yang dilantik oleh pihak JAKIM untuk mengkaji sesuatu masalah Islam semasa. Setiap soalan yang diajukan mendapat respon balas yang positif.

Berkenaan argumentasi berasaskan al-Quran dalam kajian hukum dan fatwa bagi masalah Islam semasa secara umum, Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa, argumentasi berasaskan al-Quran dalam kajian hukum dan fatwa tidak dapat tidak akan merujuk kepada al-Quran, hadis-hadis yang berkaitan dan kemudiannya *aqwal al-fuqahā'*. Beliau mengatakan bahawa:

“Bukan semua benda terdapat di dalam al-Quran dan bukan semua benda terdapat di dalam al-Hadith. Oleh sebab itu, ia mesti melalui fatwa tetapi dalam proses mencari penyelesaian hukum benda-benda baru ni, kena ada kaitan dengan yang asal seperti

mana yang terdapat di dalam al-Quran tu. Paling kurang terdapat prinsip umum dalam al-Quran atau dalam al-Hadith”.

Dalam hal ini Sahibus Samahah berpendapat bahawa “argumentasi berasaskan al-Quran dalam kajian hukum mesti berlaku dan ia memang akan berlaku” (Luqman Abdullah 2020).

Mufti Kelantan pula menyatakan bahawa “secara ilmiahnya kita akan melihat kepada sumber asas iaitu al-Quran, al-Hadith, ijmak dan kias. Akan tetapi, untuk mengeluarkan fatwa mereka akan merujuk kepada al-Quran, al-Hadith, al-Ijma’ dan seumpamanya”.

Beliau memaklumkan bahawa “nusus bagi fatwa-fatwa di peringkat Malaysia ini adalah kitab-kitab feqah, sejarah kitab-kitab feqah klasik itu. Nak kata feqah al-Mu’athir itu, memang ia tidak ada. Dia kena merujuk sejarah kitab feqah seperti al-Iqna’ dan kitab-kitab feqah lain”. Dalam perkara ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa “kita ambil di situ sahaja nusus kita bukan hanya nusus al-Quran dan al-Hadith, tetapi salah satu nusus kita adalah kitab-kitab feqah klasik. Maknanya kalau kitab feqah klasik itu, itulah Standard Operation Procedure (SOP) dia dan kita ikutlah”(Shukri Mohamad 2020).

Manakala Mufti Pahang berpandangan bahawa:

“Fatwa berkaitan hukum-hakam perlu merujuk kepada kitab-kitab muktabar. Daripada kitab muktabar tersebut nas dikeluarkan dan melihat kesesuaiannya dengan kes yang berlaku supaya selari dengan pendapat muktamad mazhab al-Syafie. Adapun tentang kajian hukum fatwa masalah Islam semasa, maka panduannya tidak lari daripada al-Quran dan al-Hadith”.

Beliau memaklumkan bahawa “bermula daripada kita mengambil daripada al-Quran dan al-Hadith itu, kita kena tahkrij kitab muktabar terlebih dahulu supaya kita tidak lari kerana dalam enakmen (hukum), semasa mengeluarkan sebab di bawah Seksyen 1 enakmen 3 tahun 1991 enakmen berkaitan agama Islam 1991”. Dalam hal ini, Sahibus Samahah menyatakan bahawa “jika mufti berpendapat bahawa mengikuti pendapat mazhab as-Syafie boleh membawa kepada keadaan berlawanan dengan awam, mufti boleh mengikut pendapat muktamad mazhab al-Hanafi, al-Maliki dan al-Hanbali. Jika mufti mendapat sesuatu daripada pendapat muktamad 4 mazhab itu, maka boleh mengikuti tanpa membawa kepada berlawanan dengan awam” (Abdul Rahman Osman 2020).

Timbalan Mufti Selangor menyatakan bahawa beberapa peringkat yang telah dirangka penyelidik dalam model SOP telah dilaksanakan dalam proses pengeluaran hukum dan fatwa. Beliau mengatakan bahawa “realiti, sebenarnya

di peringkat fatwa tu dia akan jadi balik daripada mula. Dia akan komen balik. Dia akan tengok nas tu, sebab penyelidik biasanya bukan daripada kami, penyelidik biasanya daripada universiti, academician. So, dia akan bentang, kita akan komenlah.” (Anhar Opir 2021) Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpandangan bahawa “kat situ pun boleh jadi akan berlaku pembetulan. Kemudian akan dapat input baru daripada ajk fatwa, bahan-bahan bacaan dia.”

Berkenaan kenapa pihak JAKIM sebagai Urusetia Majlis Fatwa Kebangsaan tidak menyediakan SOP secara bertulis kaifiat berargumentasi dengan al-Quran, Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa, perkara tersebut adalah bidang kepakaran ahli-ahli yang terlibat. Selain itu, pelaksanaan *Standard Operation Procedure* (SOP) akan menghadkan kaedah berargumentasi dengan al-Quran yang mempunyai beberapa tariqah. Beliau menyatakan:

“Sekiranya ingin membuat *Standard Operation Procedure* (SOP), ianya tak perlu seperti JAKIM yang ingin keluarkan fatwa kerana ianya tidak perlu didetailkan. Kalau didetailkan ia akan menjadi ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Sedangkan dalam fatwa ini dia tidak perlu detail disebabkan apabila ahli-ahli ingin berbincang mengenai sesuatu hukum atau fatwa, benda ini yang asasnya tetapi tidak bertulis”(Luqman Abdullah 2020).

Dalam perkara ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa “yang ini macam mengingat seperti yang sedia ada sebelum ini kalau bersabit dengan rujukan dalam al-Quran, dia akan berkait dengan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Ia boleh dibuat sebagai satu peringatan kepada ahli-ahli ini yang diguna pakai atau kepentingannya dari sudut yang kita panggil manhaj yang kita pakai di Malaysia”.

Mufti Kelantan menyatakan bahawa para mufti di Malaysia bukan seorang mujtahid atau mujahid. Beliau memaklumkan bahawa “kalaulah kita nak tanya yang tidak mujtahid dengan susur galur secara mujahid, ia terasa tidak kena. Jadi, dia tidak mujahid tetapi tiba-tiba kita ingin melihat Qora’ah dan Wajah Istidlāl yang dia ada. Wajah Istidlāl yang sedia ada itu hanya pakai al-Qiyas itu sahaja” (Shukri Mohamad 2020). Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa “selain daripada nusus al-Quran, al-Hadith, al-Ijma’ dan al-Qiyas itu, dia akan tengok kepada *waqi’* di Malaysia ini macam mana”.

Mufti Pahang berpandangan bahawa al-Quran yang dimaksudkan hanya pada tafsirannya sahaja dan menggunakan kaedah takhrij kitab dalam melakukan argumentasi. Beliau mengatakan “ia perlu merujuk kitab Tafsir dan kitab Feqah yang lain supaya ia tidak boleh lari daripada perkara ini. Feqah ni bermula daripada tajuk takhrij yang perlu merujuk kitab-kitab tafsir supaya kita dapat memahami kenapa ulama-ulama mengambil nas-nas tersebut”(Abdul Rahman Osman 2020). Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa “al-Quran ditafsirkan dengan nas ambilan daripada ulama tadi yang menepati satu ilmu yang mencambahkan lagi ilmu

yang bertujuan untuk memahami lagi apa yang tidak tidak difahami”.

Timbalan Mufti Selangor memaklumkan bahawa terdapat SOP yang digunakan dalam pengeluaran hukum dan fatwa. SOP tersebut adalah berdasarkan perbincangan dalam kitab yang khusus berkaitan dengan dalil yang digunakan. Beliau mengatakan bahawa *“mungkin kalau dia kata yang dia baru dengar ada SOP, dia bukan setakat dengan al-Quran, bila dengan dalil yang disepakati yang lain, hadis pun ada kaedah dia kan Qaradhawi buat Kaifa Nata’āmal Ma’a al-Sunnah. Dia letakkan dia punya, kira SOP dia”*. Dalam perkara ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa *“sampai peringkat kalau dalil tak disepakati pun ada SOPnya. Bukan boleh kita pergi ambil dalil tak disepakati even maqasid pun”* (Anhar Opir 2021).

Berkenaan dengan sejauh mana argumentasi dengan al-Quran yang dilakukan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI dan penyelidik yang dilantik dalam pengkajian hukum dan fatwa, Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa *“perkara tersebut tidak menjadi masalah kerana kebiasaannya ahli-ahli hanya menggunakan empat mazhab yang utama dalam mengeluarkan hukum dan fatwa”*.

Beliau menyatakan bahawa *“hukum ini biasanya kita pakai mazhab yang empat terutamanya mazhab al-Syafie. Dari segi keyakinan berargumentasi dengan al-Quran iaitu sejauh mana keyakinan proses pendalilan yang dilakukan oleh ahli Ahli Jawatankuasa sampai satu tahap boleh dipegang adalah benda yang sudah berjalan dan telah dilaksanakan”*. Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa *“kadang-kadang isu yang berlaku itu, isu yang tidak terus kepada al-Quran kerana al-Quran mendatangkan benda yang berprinsip umum”* (Luqman Abdullah 2020).

Sahibus Samahah Mufti Kelantan berpandangan bahawa *“sudah menjadi amalan masa kini menggunakan kaedah takhrij daripada kitab-kitab turath al-Syafi’iyyah dan tidak terus merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith dalam pendalilan kes-kes baru”*.

Beliau mengatakan bahawa *“disebabkan kita membuat kepercayaan bahawa al-Syafie pandang kepada kita dan al-Syafie ialah mujtahid. Maka, kita pasang dan kita tengok itulah. Masalah yang kita bawa ini adalah masalah baru yang menyebabkan terasa kekok sedikit tetapi kalau masalah lama kita akan ambil sahaja apa yang terdapat di dalam kitab”*. Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa *“kita mengambil pendekatan bahawa fatwa ini boleh juga proaktif”* (Shukri Mohamad 2020).

Manakala menurut Sahibus Samahah Mufti Pahang, beliau memaklumkan bahawa *“tiada kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI dan penyelidik yang dilantik dalam pengkajian hukum dan fatwa”*. Beliau mengatakan bahawa *“mereka mengambil pandangan dan terus buat argumentasi ini. Sepatutnya,*

kajian ini kena beritahu, ayat ni mengikut sudut Fiqahnya begini dan begini, ayat ini ijmalia ataupun tidak dan kalau ayat itu bermaksud begini dan begini". Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa "kalau mereka boleh terangkan perkara tersebut, maka ia akan sangat membantu. Ini adalah kajian awal dan sekiranya mereka ingin membuat kertas untuk dibentangkan itu, sepatutnya mereka memasukkan benda-benda ini" (Abdul Rahman Osman 2020). Timbalan Mufti Selangor berpendapat bahawa "kebimbangan terhadap fatwa yang dikeluarkan tidak terlalu tinggi kerana keputusan fatwa yang dilakukan adalah secara kolektif".

Beliau mengatakan bahawa "kalau di negeri Selangor, kita ada fatwa yang dikeluarkan oleh seorang mufti. Fatwa tu adalah keputusan Jawatankuasa Fatwa. Jadi kebimbangan tu sudah dihilangkan dengan cara macam mana, dengan cara keputusan tu adalah kolektif. Kalau mufti ada pandangan, tersilap, akan dibetulkan oleh jawatankuasa fatwa. So saling bantu-membantu" (Anhar Opir 2021).

Dalam hal ini, Sahibus Samahah menyatakan bahawa "untuk MKI pun rasanya kebimbangan tu pun taklah tinggi sangat sebab dia pun secara kolektif". Sahibus Samahah turut memaklumkan bahawa ia bukanlah keputusan dilakukan secara individu dan mustahil untuk didiamkan sekiranya berlaku kesalahan.

Mengenai persoalan sejauh mana keperluan Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI terhadap model SOP berargumentasi dengan al-Quran dalam pengeluaran pandangan hukum bagi masalah semasa di negara ini dengan maksud apakah SOP berargumentasi dengan al-Quran perlu sebagai garis panduan kepada Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI dan penyelidik dalam pengkajian hukum bagi masalah Islam semasa, Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa perkara tersebut bagus untuk dilaksanakan sebagai asas dalam pengkajian hukum dan fatwa. Beliau mengatakan bahawa "kalau ada Standard Operation Procedure (SOP) ini, kita pakai mazhab yang established yang boleh menyelamatkan kita daripada pemikiran yang pergi jauh daripada ahli-ahli kepada benda-benda daripada kerangka-kerangka tu".

Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat "kalau ada ahli yang ingin keluar daripada Standard Operation Procedure (SOP) ini, maka kita kata bahawasanya kita mempunyai Standard Operation Procedure (SOP) ini dan tidak boleh keluar daripadanya" (Luqman Abdullah 2020).

Menurut Mufti Kelantan, Standard Operation Procedure (SOP) adalah perkara yang perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Beliau menyatakan bahawa "peringkat pihak JAKIM perlu menyediakan Standard Operation Procedure (SOP) untuk menambahbaik sesuatu itu dan perlu dibuat dengan sungguh-sungguh supaya ini Standard Operation Procedure (SOP) ini dapat dilaksanakan. Barulah dari segi ilmiah kita rai dan dari segi waqi' pun kita rai walaupun kita tidak mujtahid".

Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa *“kebiasaannya dalam pengkajian-pengkajian selalu lupa dan ada di antaranya hanya meletakkan al-Hadith sahaja. Jadi, sekurang-kurangnya ada Standard Operation Procedure (SOP) ini, kita ikutlah seberapa yang mampu”* (Shukri Mohamad 2020).

Mufti Pahang pula menyatakan bahawa panduan yang digunakan dalam pengkajian hukum dan fatwa antaranya ialah kitab *Tafsir Mawdū'ī* dan *Tafsir Waḍ'ī* serta kisah-kisah yang berlaku dengan mengambil pandangan dan hukum yang disebutkan padanya. Beliau mengatakan bahawa *“kalau kita tengok para ulama mengambil dalil, kita ambillah rujukan tafsir-tafsir seperti Tafsir al-Qurtubi, Tafsir Ahkam al-Quran, Tafsir Ibnu al-'Arabi, Kitab al-Jami' li Ahkam al-Quran dan mana-mana tafsir yang mana kita ambil pandangan-pandangan mereka dalam hal-hal itu”*.

Dalam perkara ini, Sahibus Samahah berpendapat *“sekiranya ia menjadi panduan kepada kita untuk meyakinkan atau penambahan ilmu, maka ia tidak mengapa”* (Abdul Rahman Osman 2020).

Timbalan Mufti Selangor berpendapat bahawa kewujudan SOP ini boleh menjadi pengikat kepada penyelidik yang datang daripada pelbagai latar belakang (Anhar Opir 2021). Beliau mengatakan bahawa *“zaman sekarang ni, isu ni dikaji oleh penyelidik yang gabung daripada pelbagai latar belakang. So bila bergabung ni, iniah akan jadi kekuatannya, pengikatnya.”*

Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpandangan bahawa SOP inilah yang akan membantu dalam penyelidikan. Beliau memaklumkan *“katalah dia tak ambil Usul Fiqh pure, apa yang akan membantu dia, inilah. Dan ana yakin tak semua tu ada ayat al-Quran direct. Dia biasanya dia umum.”*

Berkenaan hukum atau fatwa AJK Fatwa Kebangsaan dan penyelidik yang berargumentasi dengan al-Quran tetapi tidak meraikan SOP yang telah ditetapkan oleh para ulama *Uṣūl al-Fiqh*, maka menurut Mufti Wilayah Persekutuan, perkara tersebut tidak berlaku kerana kebiasaannya ahli-ahli akan menggunakan ilmu *Uṣūl al-Fiqh* serta jumhur yang muktamad. Beliau memaklumkan bahawa, *“Kita masih dalam kerangka ilmu Uṣūl al-Fiqh yang telah sedia ada. Kemungkinan kalau ada pun dia tidak meraikan langkah ini. Akan tetapi, benda itu masih lagi ada kaitan. Maknanya, datang satu kes, dia akan guna mana-mana ayat al-Quran dan maknanya Standard Operation Procedure (SOP) ini dia tak tengok”*. Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa *“Ahli-ahli penyelidik ini dia buat kertas terlebih dahulu dan keputusan kita berasaskan kertas itulah kerana di dalam kertas itu sudah ada semua kaedah-kaedah pentafsiran nas kalau berkaitan dengan perkara ini. Jadi, tidak meraikan Standard Operation Procedure (SOP) itu tidak berlaku”* (Luqman Abdullah 2020).

Menurut Sahibus Samahah Mufti Kelantan pula, perkara tersebut boleh berlaku disebabkan oleh perbezaan zaman dahulu dan sekarang. Beliau memaklumkan bahawa *“mungkin tidak serupa dengan zaman Nabi dan zaman sahabat belajar al-Quran. Zaman tersebut tidak ada mendetailkan hukum tajwid. Orang yang kemudian yang membukukan dan mendetailkan tajwid”*.

Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa *“Standard Operation Procedure (SOP) seperti zaman yang mendetailkan tajwid dan meletakkan baris”* (Shukri Mohamad 2020).

Sahibus Samahah Mufti Pahang berpandangan *Standard Operation Procedure (SOP)* seharusnya ada kerana ia adalah kajian awal oleh pakar *Uṣūl al-Fiqh* yang telah menjelaskan tentang kaedah pengambilan hukum ayat-ayat nas. Beliau memaklumkan bahawa *“kalau ingin detailkan lagi maka boleh dilaksanakan oleh orang yang mahir dan arif tentang Uṣūl al-Fiqh untuk mengambil fahaman daripada ayat tadi. Maka, hendaklah memberi penjelasan berkaitan dengan pengambilan ayat ini berdasarkan Qawaid Feqah yang macam mana kena ada dan perlu menyebut kaifiat itu satu-satu”*.

Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpandangan bahawa pengambilan hukum tidak akan lari daripada mentakhrij nas, atau merujuk kepada al-Qiyas dan Ijma' al-Ulama sekiranya tidak terdapat nas. Beliau menyatakan bahawa *“nas dan al-Qiyas tu sebenarnya untuk memadankan pengambilan nas-nas yang tidak jelas yang berkaitan dengan kes yang ingin kita bincangkan. Kenapa al-Quran itu kita ambil daripada ayat ni, katakanlah tidak terdapat dalam perbincangan para ulama, jadi pengambilan kepada al-Ijma' dan al-Qiyas itu juga mesti ada berdasarkan dengan nas”* (Abdul Rahman Osman 2020).

Timbalan Mufti Selangor menyatakan bahawa tidak semestinya tiada SOP bermaksud tidak mengikut langkah yang betul. Beliau mengatakan bahawa *“kita dah ada kita kata parameter. Kalau di negeri Selangor kita ada fatwa yang dikeluarkan oleh seorang Mufti. Fatwa tu adalah keputusan jawatankuasa fatwa”*. Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpandangan bahawa fatwa yang dikeluarkan bukanlah pandangan peribadi dan mustahil sekiranya berlaku kesilapan akan didiamkan (Anhar Opir 2021). Tetapi argumentasi yang dilakukan adalah sah dan diterima.

Merujuk kepada model SOP yang telah direka bentuk oleh penyelidik hasil daripada kajian secara teliti terhadap kaifiat berargumentasi dengan al-Quran daripada karya-karya para ulama dahulu dan sekarang, Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa perkara tersebut adalah satu perkara yang baik untuk dilaksanakan. Beliau memaklumkan bahawa *“ini*

sudah cantik kerana ia meletakkan satu garis panduan yang umum yang berasaskan kepada mazhab yang muktabar dalam ilmu Uşul al-Fiqh". Dalam hal ini Sahibus Samahah berpendapat bahawa "Ia boleh dielakkan lagi dan dipanjangkan lagi kerana ini terlalu umum sedikit" (Luqman Abdullah 2020).

Menurut Sahibus Samahah Mufti Kelantan pula, beliau menerima baik Standard Operation Procedure (SOP) yang telah dirangka oleh pengkaji. Beliau mengatakan bahawa "pihak JAKIM perlu menyediakan Standard Operation Procedure (SOP) untuk menambahbaik sesuatu itu dan perlu dibuat dengan sungguh-sungguh supaya ini Standard Operation Procedure (SOP) ini dapat dilaksanakan". Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa Standard Operation Procedure (SOP) ini dapat menyelamatkan pengkaji daripada terlupa atau hanya fokus kepada aspek tertentu (Shukri Mohamad 2020).

Manakala Sahibus Samahah Mufti Pahang menyatakan persetujuan beliau dengan Standard Operation Procedure (SOP) yang dikemukakan. Beliau menyatakan bahawa "secara umumnya, kita telah bersetuju dengan Standard Operation Procedure (SOP) yang telah dibuat ini dan mungkin boleh diperbaiki lagi. Apabila berlakunya perkara baru, yang pertamanya ialah Takhrij al-Qawl yang muktabar. Sekiranya tidak boleh ditakhrijkan maka kajian perlu dilaksanakan". Dalam perkara ini, Sahibus Samahah berpendapat bahawa kaifiat dalam kajian itu adalah dengan memadankan kes dengan nas. Beliau menyatakan bahawa "kita tidak boleh lari daripada Uşul al-Fiqh kalau tidak ada nas ataupun al-Qiyas dan Qaul al-Madinah. Sekiranya tadi kita tidak dapat nas, nas itu dapat bila adanya al-Qiyas, Ijmak al-Ulama, Qaul as-Sahabi dan Qaul A'malu Ahl al-Madinah, maka itulah nas yang dipegang" (Abdul Rahman Osman 2020).

Sahibus Samahah Timbalan Mufti Selangor memberikan respon yang baik terhadap SOP yang telah disusun oleh penyelidik. Beliau mengatakan bahawa "ana bukanlah setuju sepenuhnya, setuju pada aspek maslahat yang ada." (Anhar Opir 2021) Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpandangan bahawa SOP ini dapat membantu penyelidik yang bukan ahli dalam pengeluaran hukum.

Persoalan mengenai apakah layak model SOP ini dikemukakan kepada Bahagian Urusetia Fatwa, JAKIM sebagai garis panduan kepada Ajk Fatwa Kebangsaan dan penyelidik dalam melakukan pengkajian hukum bagi masalah Islam semasa, Sahibus Samahah Mufti Wilayah berpandangan bahawa model Standard Operation Procedure (SOP) boleh dibawa ke peringkat JAKIM. Beliau memaklumkan bahawa "boleh diajukan ke pihak JAKIM. Akan tetapi, diperingkat JAKIM mungkin ada ubahsuai dan kalau boleh pihak penyelidik boleh bengkalkan dahulu untuk buat perbincangan". (Luqman Abdullah 2020)

Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa Sahibus Samahah menerima baik *Standard Operation Procedure (SOP)* yang telah dirangka oleh penyelidik hasil daripada kajian.

Sahibus Samahah Mufti Kelantan menyatakan beliau bersetuju untuk mewujudkan *Standard Operation Procedure (SOP)* atas faktor kepelbagaian manhaj pembawaan di pusat pengajian pada masa kini. Beliau mengatakan bahawa *“Ta’addud al-Madāris al-Fikriyyah ini akan memberi kesan yang bermacam-macam. Maka, setuju sangatlah supaya diadakan Standard Operation Procedure (SOP) ini”* (Shukri Mohamad 2020). Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat *“panel penyelidik juga perlu mematuhi Standard Operation Procedure (SOP) ini”*.

Sahibus Samahah Mufti Pahang pula menyatakan pandangan beliau bahawa model *Standard Operation Procedure (SOP)* ini tidak perlu diperincikan melainkan bagi mereka yang ingin melakukan kajian terhadap model tersebut. Beliau memaklumkan bahawa *“ia perlu dibuat ringkas sahaja kerana kita berkeyakinan bahawa Jawatankuasa Muzakarah MKI dan penyelidik pernah melalui pengajian ini dan mereka sudah membawa ini tetapi barangkali tidak mungkin kalau disebut satu-satu”*.

Dalam hal ini, Sahibus Samahah berpendapat *“ia tidak bermaksud secara detail seperti kitab Feqah yang menjadi Uṣūl al-Fiqh pula, sekurang-kurangnya ada sedikit panduan yang boleh diguna pakai sebagaimana yang disebut dalam Standard Operation Procedure (SOP) tadi”* (Abdul Rahman Osman 2020).

Sahibus Samahah Timbalan Mufti Selangor menyatakan bahawa beliau bersetuju untuk membawa SOP ini ke peringkat JAKIM tetapi dengan syarat (Anhar Opir 2021). Beliau mengatakan bahawa *“setuju dengan syaratlah, dengan syarat ia bukan sampai menyusahkan dan kita yakin nanti sudah dikawal dengan kolektif”*. Dalam hal ini, Sahibus Samahah menerima baik cadangan untuk membawa SOP oleh penyelidik ke peringkat JAKIM dengan syarat bahawa SOP tersebut tidak terlalu menyusahkan proses pengeluaran hukum dan fatwa tersebut.

5. PENUTUP

Kesimpulannya, keperluan terhadap sebuah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sistematik dan seragam dalam proses *istidlal* dengan al-Quran adalah suatu keperluan mendesak dalam konteks pengeluaran pandangan hukum Islam semasa. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa ketiadaan SOP bertulis dalam amalan semasa memberi kesan kepada tahap keseragaman, ketepatan serta kejelasan dalam proses penentuan hukum yang bersumberkan

al-Quran. Justeru, pembinaan SOP bukan sahaja dapat memperkukuh integriti institusi fatwa seperti Jawatankuasa Muzakarah MKI, bahkan mampu menjadi panduan praktikal yang membantu para pengkaji, pentafsir dan penggubal hukum dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Manakala, respon para responden terhadap kerangka SOP pentafsiran al-Quran yang dirangka oleh penyelidik adalah baik. Kesemua mereka bersetuju dengan komentar-komentar tambahan dalam menjadikan ianya lebih realistik untuk diaplikasikan.

SOP yang dicadangkan perlu mengambil kira prinsip-prinsip asas *Usul al-Fiqh*, kerangka metodologi *istinbat* yang sahih serta konteks realiti semasa masyarakat. Ia juga harus bersifat fleksibel untuk diaplikasikan dalam pelbagai keadaan, namun tetap berpaksikan kepada ketelitian akademik dan autoriti keilmuan. Dengan adanya garis panduan yang tersusun ini, proses penghujahan hukum yang bersandarkan al-Quran akan menjadi lebih telus, berwibawa dan diterima oleh masyarakat sebagai keputusan yang sah dan boleh diyakini.

Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan bagi merangka model SOP yang lengkap, termasuk prosedur terperinci bagi setiap peringkat *istidlal* dan instrumen penilaian terhadap ketepatan hujah yang dibina. Diharapkan usaha ini dapat menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sistem fatwa yang lebih sistematik, berwibawa dan berorientasikan maqasid dalam menjawab pelbagai isu kontemporari umat Islam di Malaysia.

6. RUJUKAN

- ‘Abd al-Ilāh Ḥūrī al-Ḥūrī (2001), *Asbāb Ikhtilāf al-Mufasssīrīn fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*. Disertasi master di Kuliah Dār al-‘Ulūm, Qism al-Sharī‘ah al-Islāmiyah di Jāmi‘ah al-Qāhirah.
- ‘Aqīl Razzāq Nu‘mān al-Sultānī (2010), *Maḥmūd al-Naṣ ‘ind al-Uṣūliyyīn ma’ al-Taṭbīqāt al-Fiqhiyyah*. Disertasi di peringkat kedoktoran di Kuliyyah al-Fiqh, Universiti al-Kūfah, ‘Iraq.
- Abdullah Basmeih (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, (cet. ke-6, Kuala Lumpur: Percetakan Adabi).
- As‘ad ‘Abd al-Ghānī al-Sayyid al-Kufrāwī (2002), *al-Istidlāl ‘ind al-Uṣūliyyīn*. Disertasi di peringkat kedoktoran yang berpusat di Universiti al-Azhar al-Sharif.
- Al-Shahīd ‘Abd Allāh ‘Azzām (1972), *Dilālah al-Kitāb wa al-Sunnah ‘alā al-Aḥkām min Hayth al-Bayān wa al-Ijmāl aw al-Zuhūr wa al-Khafā’*. Disertasi di peringkat kedoktoran di Qism Uṣūl al-Fiqh, Kuliyyah al-Sharī‘ah wa al-Qānūn, Universiti al-Azhar.
- Al-Rakhmīsī, ‘Abd al-Fattāḥ Aḥmad Quṭb (2001) *al-Taḥqīq al-Ma‘mūl li Minhāj al-Uṣūl ‘alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍāwī*, (cet. ke-2, Kaherah: Muassasah Qurṭubah)
- Al-Āmidī, ‘Ali bin Abī ‘Alī bin Muḥammad Sayf al-Dīn (1967), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, (Mesir: Muassasah al-Ḥalabī)
- Al-Anṣarī, Abū Yaḥyā Zakariyā Sheikh al-Islām (1330h), *Ghayah al-Wuṣūl Sharḥ Lubḥ al-Uṣūl*, (Mesir: Dār al-Kutub al-Arabiyyah al-Kubra)
- Al-Bannanī (1982), *Ḥashiah al-Bannanī ‘alā Sharḥ al-Jalāl Shams al-Dīn Muḥammad al-Maḥallī ‘alā Matn Jam’ al-Jawāmi’ li al-Imām Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb al-Subkī*, (Beirūt: Dar al-Fikr)
- Al-Bāqilānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib (1998), *al-Taqrīb wa al-Irshād (al-Ṣaghīr) Taḥqīq ‘Abd al-Ḥamid bin ‘Ali Abū Zanīdh*, (cet. ke-2, Beirūt: Muassasah al-Risālah)
- Al-Haramayn, ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad al-Juwaynī (t;t) , *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīm al-Dīb*, (cet. ke-2, Mesir: Dār al-Wafā’ bi al-Mansūrah)
- Al-Jaṣṣāṣ, Aḥmad bin ‘Alī Abū Bakr al-Rāzī (1994), *Al-Fuṣūl fī al-Uṣūl Taḥqīq Ajil Jasim al-Nashamī*, (cet. ke-2, Kuwait: Wizārah al-Awqaf wa al-Shūun al-Islāmīyyah).
- Al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyīm (2001), *I’lām al-Muwaqī’in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, (cet. ke-1, Saudi Arabia: Dār Ibn Hazm, t.t.), 6:200.
- Al-Kafrawī, As‘ad ‘Abd Ghānī al-Sayyid (2002), *al-Istidlāl ‘ind al-Uṣūliyyīn*, (Kaherah: Dār al-Salām)
- Al-Qarāfī (t;t), *al-Iḥkām fī Tamyiz al-Fatāwā ‘an al-Aḥkām*, Taḥqīq al-Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, (Ḥalab: Maktabah al-Maṭba‘ah al-Islāmīyyah)

- Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī (1391H), *Rawā’i’ al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān*, (Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah)
- Al-Sam’ānī, Abū al-Muẓaffar (1997), *Qawāṭi’ al-Adillah fī al-Uṣūl Taḥqīq Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā’il*, (cet. ke-1, Beirūt: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah)
- Al-Sāyis, Muḥammad ‘Alī, *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* (2000), (Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth), 104.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī (2000), *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min ‘ilm al-Uṣūl Taḥqīq Abū Ḥafṣ Sāmi bin al-‘Arabī al-Asharī*, cet. ke-1 (Riyārd: Dār al-Fadīlah)
- Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayrūzabadī (1975), *al-Luma’ fī Uṣūl al-Fiqh*, (cet. ke-3, Kaherah: Mustafa al-Halabi)
- Ibn al-Hājib, ‘Uthmān bin ‘Umar bin Abū Bakr bin Yūnus Ibn al-Hājib (t:t), *Al-Muhktaṣar al-Kabīr*, (t.tp., t.p.)
- Ibn al-Ṣalāh, Taqiy al-Dīn Abū ‘Amr (1986), ‘Uthmān ibn al-Muftī Ṣalāh al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Uthman bin Mūsā al-Kardī al-Shahrazūrī al-Muṣilī al-Shāfi’ī, *Fatāwā wa Masā’il Ibn al-Ṣalāh fī al-Tafsīr wa al-Ḥadīth wa al-Uṣūl wa al-Fiqh wa Ma’ahū Ādāb al-Muftī wa al-Mustaftī Taḥqīq ‘Abd al-Mu’ṭi Amīn Qal’āji*, (Beirūt: Dār al-Ma’rifah).
- Ibn Hazm, ‘Alī bin Aḥmad bin Sa’īd bin Ḥazm (t:t), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām Taḥqīq Aḥmad Shākir*, (Kaherah: Maṭba’ah al-‘Āṣimah)
- Jamā’ah min Kibār al-Lughawiyyīn al-‘Arab (2003), *al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*. (Tūnis: Muassasah Lārous al-‘Ālamiyyah)
- Mahyudin bin Daud (2017), *Pendalilan Berasaskan Āyāt Al-Aḥkām Dalam Penghujahan Hukum Islam Semasa: Kajian Perbandingan Di Antara Fatwa Malaysia Dan Brunei*, Disertasi Kedoktoran Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muḥammad Abū al-Nūr Zahīr (2005), *Uṣūl al-Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Baṣā’ir)
- Muḥammad Adīb Sālīḥ (1993), *Tafsīr al-Nuṣūṣ Fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Beirūt: al-maktab al-Islāmī)
- Muḥammad Adīb Ṣālīḥ (1993), *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*. Disertasi di peringkat kedoktoran di Cairo University, Mesir).
- Sa’ad bin Meqbel bin Eissa al-Enazy (1428H), *Dilālah al-Siyāq ‘ind al-Uṣūliyyīn, Dirāsah Naẓariyyah Taṭbīqiyyah*. Disertasi di peringkat master di Universiti Ummu al-Qura, Kuliyyah al-Shar’īah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, Shu’bah al-Uṣūl.
- S.S. Dr Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan, temubual bersama pengkaji, 29 September 2020.
- S.S. Dato’ Haji Mohamad Shukri bin Mohamad, Mufti Negeri Kelantan, temubual bersama pengkaji, 8 November 2020.
- S.S. Dato’ Sri Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Osman, Mufti Negeri Pahang, temubual bersama pengkaji, 24 September 2020.

- S.S. Dato' Dr Haji Anhar bin Haji Opir, Timbalan Mufti Selangor, temubual bersama pengkaji, 5 Mei 2021.
- Yāsīn al-Fādānī (2006), *Bughyah al-Mushtāq fī Sharḥ al-Luma' li Abī Ishāq*, ed. Aḥmad Darwīsh, (cet. ke-1, Beirūt: Dār Ibn Kathīr)
- Yasid bin Moni(2003), *Metode Pentafsiran Nas Menurut Mutakallimin dan Ahnaf: Satu Analisis*. Disertasi kedoktoran Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm (2002), *Uṣūl al-Da'wah*, (cet. ke-9, Beirūt: Muassasah al-Risālah).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.